

Pesaka masih menunggu - 4 SEP 1987 keputusan MSN

Oleh MOHD AZMI
RAFI

PESAKA masih menunggu keputusan MSN berhubung permohonan membayar balik wang pampasan kepada empat jaguh silat kebangsaan dan seorang jurulatih yang tidak mendapat gaji bulanan ketika menjalani latihan persiapan ke Sukan SEA Jakarta yang bermula minggu depan.

Mereka ialah Salbiah Salleh, Khatijah Salleh, Ahmad Khusairi, Mohammad Fauzi, Mohd Azam dan Johari Ibrahim (jurulatih).

"Kami berharap MSN dapat meluluskan pampasan itu sebelum mereka berangkat ke Jakarta untuk digunakan sebagai wang saku," kata Pengurus Pasukan ke Sukan SEA, Basron Haji Hamit.

Bellau percaya MSN tidak ada halangan untuk meluluskan permohonan itu walaupun permohonan PESAKA begitu lewat.

Sebelum ini, pesilat-pesilat negara menghadapi masalah apabila majikan mereka membenarkan cuti tanpa gaji.

Bagaimanapun, mereka tidak menghirau masalah peribadi itu demi untuk kepentingan sukan dan negara.

Masalah cuti tanpa gaji itu didedahkan oleh Salbiah Salleh dan adiknya Khadijah dari Johor selepas majikannya bertindak demikian sejak menjalani latihan pusat Jun lalu.

Sementara itu, Ahmad Khusairi pula terpaksa mengorbankan sebahagian daripada

gajinya untuk perbelanjaan ketika menjalani latihan.

Bagi Mohd Azam dari Terengganu yang berkerja sebagai ejen insuran, Mohamad Fauzi ahli perniagaan dan jurulatih, Mohd Ibrahim juga dari Terengganu kehilangan pendapatan masing-masing. Mereka itu dibayar gaji berdasarkan pekerjaan yang dibuat seharian.

"Masalah ini sedikit



■ AHMAD KHUSAIRI

sebanyak mengganggu kecemerlangan pesilat-pesilat itu dan kemungkinan akan gagal mempamerkan persembahan cemerlang sekiranya masalah itu tidak diatasi secepat mungkin," kata Basron.